



## Manhaj Al-Imām Al-Shāfi‘ī Dalam Periwiyatan Hadith: Penelitian Terhadap Karya *Ikhtilāf Al-Ḥadīth*

Mohd Farhan Md Ariffin<sup>1</sup>, Ibrahim Adham Mohd Rokhibi<sup>2</sup>,  
Shafiza Safie<sup>3</sup>, Muhammad Safwan Harun<sup>4</sup>

### ABSTRAK

*Al-Imām al-Shāfi‘ī merupakan ulama yang terkenal dalam sejarah Islam bahkan beliau dikenal sebagai mujtahid mutlaq. Beliau menguasai banyak aspek dalam ilmu pengetahuan Islam, termasuklah bidang hadith. Kredibiliti beliau dalam bidang hadith sering dipertikaikan oleh sebahagian kelompok salafi, kerana al-Imām al-Shāfi‘ī dianggap hanya pakar dalam bidang fiqh. Maka, artikel ini berusaha untuk meneliti manhaj al-Imām al-Shāfi‘ī dalam periwiyatan hadith dengan meneliti karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth* sekaligus membuktikan ketokohan beliau dalam bidang hadith. Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis mengguna pakai kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan dan tematik. Hasilnya, didapati sebanyak enam metodologi berkaitan riwayat hadith yang diaplikasi oleh beliau dan turut disokong oleh argumen dan bukti sahih.*

**Kata kunci:** *Al-Imām al-Shāfi‘ī; ketokohan; Ikhtilāf al-Ḥadīth; manhaj; periwiyatan*

### ABSTRACT

*Al-Imām al-Shāfi‘ī is a famous scholar in the history of Islam and he is known as a mujtahid mutlaq. He mastered many aspects of Islamic science, including the field of hadith. His credibility in the field of hadith is often disputed by some Salafi groups, as al-Imām al-Shāfi‘ī is considered only an expert in the field of fiqh. Thus, this article seeks to examine the manhaj of al-Imām al-Shāfi‘ī in the narration of hadith by examining the work of *Ikhtilāf al-Ḥadīth* as well as proving his prowess in the field of hadith. This study is a qualitative study that involves data collection methods through a literature review. The collected data were subsequently analyzed using inductive, deductive, content analysis and thematic methods. As a result, it was found that there were six*

<sup>1</sup> Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: [farhan.ariffin@ukm.edu.my](mailto:farhan.ariffin@ukm.edu.my).

<sup>2</sup> Penulis berhubung, Jabatan al-Quran & Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Fakulti UiTM Kampus Machang.

<sup>4</sup> Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

*methodologies related to hadith narration that were applied by him and were also supported by authentic arguments and evidence.*

**Keywords:** *Al-Imām al-Shāfi‘ī; character; Ikhtilāf al-Ḥadīth; manhaj; narration*

## PENDAHULUAN

Al-Imām al-Shāfi‘ī (204H) merupakan seorang *mujtahid muṭlaq* yang tidak dinafikan penguasaan ilmu Islam dalam segenap bidang. Beliau merupakan tokoh yang kurang dikaji dalam bidang hadith. Beliau lebih terkenal memberi keutamaan kepada bidang usul fiqh dan fiqh sehingga terhasil mazhab beliau. Bahkan, al-Imām al-Shāfi‘ī dalam bidang fiqh popular dengan pendapatnya yang baharu selepas berhijrah ke Mesir, dikenali sebagai *qawl jadīd*. Di Malaysia, keilmuannya lebih banyak dikaji dari aspek fiqh, memandangkan Malaysia sebuah negara yang menjunjung aliran mazhab fiqh al-Shafi‘i sebagai pegangan. Al-Imam Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī bukan sahaja seorang ulama fiqh, bahkan cendekiawan agung yang versatil dalam pelbagai disiplin ilmu sepanjang zaman.

## METODE PENYELIDIKAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mendalami metodologi al-Imām al-Shāfi‘ī dalam bidang hadith. Dalam perolehan data, prosedur tertentu dipraktikkan dan pemilihan rujukan adalah dari pelbagai sumber yang berautoriti. Rujukan ini termasuk buku dan lain-lain. Apabila data sudah dikumpulkan, proses penulisan dan analisis dilakukan mengguna pakai semua maklumat sedia ada. Sorotan literatur terhadap maklumat diperolehi daripada sumber yang dipercayai. Bahan yang digunakan bagi kajian ini adalah Ikhtilaf al-Ḥadīth terbitan Dar al-Ma‘rifah, Beirut, al-Sunan al-Kubrā, terbitan Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Taqrīb al-Tahdhīb terbitan Dār al-Rasyīd, Halab, al-‘Umm terbitan Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth terbitan Maktabah al-Ma‘ārif dan al-Risālah terbitan Maktabah al-Ḥalabī, Mesir.

Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis mengguna pakai kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan dan tematik. Dalam pemilihan isu, perlu ditegaskan bahawa skop kajian memfokuskan analisis terhadap aspek periwayatan hadith sahaja. Isu-isu ini menjadi sasaran sebagai pengenalan kepada manhaj al-Imam al-Shafi‘i yang rencam dalam bidang hadith.

## HASIL KAJIAN

### Biodata Al-Imām Al-Shāfi‘ī

Nama sebenar al-Imām al-Shāfi‘ī ialah Muḥammad Ibn Idrīs Ibn al-‘Abbās Ibn ‘Uthmān Ibn Shāfi‘ī Ibn al-Sā‘ib Ibn ‘Ubayd Ibn ‘Abd Yazīd Ibn Hāshim Ibn al-Muṭṭalib Ibn ‘Abd Manaf Ibn Qusay Ibn Kilāb Ibn Murrāh Ibn Ka‘ab Ibn Lu‘ay Ibn Ghālib Abu ‘Abdillah al-Qursiy, al-Muṭṭalibiy al-Shāfi‘iy. Silsilahnya bersambung kepada Nabi Muhammad SAW melalui ‘Abd Manāf yang bersambung dengan al-Muṭṭalib, saudara kepada Hāshim, bapa ‘Abd al-Muṭṭalib, datuk baginda SAW. Lazimnya beliau dikenal dengan panggilan al-Shāfi‘ī kerana dinisbahkan kepada nama datuk (al-‘Abbās) kepada datuknya (Shāfi‘ī). Ayah kepada Shafi‘i yakni al-Sā‘ib memeluk Islam pada hari peperangan Badar. Menurut al-Dhahabī, Ibn Ḥajar dan Ibn Athīr, terdapat pandangan bahawa beliau tergolong dalam kalangan *sighār ṣahābah*. Manakala menurut al-Khatib Baghdādī, Shafi‘i pernah berjumpa dengan Nabi Muhammad

SAW. Selain daripada itu, beliau juga disebut sebagai al-Muṭṭalibiy kerana dinisbahkan kepada Muṭṭalib Ibn ‘Abd Manāf.

Al-Imām al-Shāfi‘ī membesar sebagai anak yatim, akan tetapi semua itu tidak menghalangnya dalam menuntut ilmu, seperti yang ditunjukkan oleh Muḥammad Abū Zahrah ketika membahaskan mengenai kehidupan al-Imām al-Shāfi‘ī, beliau menghafaz keseluruhan al-Quran ketika berusia tujuh tahun dan menghafaz *Muwatta’ Mālik* semasa berusia sepuluh tahun. Al-Imām al-Shāfi‘ī tekun dalam menuntut ilmu semenjak kecil lagi. Beliau turut menuntut ilmu dari pelbagai tempat sama ada dari ulama Mekah, Madinah, Mesir, Yaman, Iraq sehingga beliau menjadi sangat alim. Antara gurunya yang terkenal adalah Dāwud Ibn ‘Abd al-Raḥmān al-‘Attar di Mekah (174H), Mālik Ibn Anas di Madinah (179H), Hishām Ibn Yūsuf al-San‘āniy di Yaman (197H) dan Wakī‘ Ibn al-Jarrah (196H) di Iraq.

Beliau mula menuntut ilmu di Mekah daripada ulama fiqh dan hadis yang berada di sana. Kecerdasannya dalam bidang ilmu mula terserlah semenjak kecil, sehingga gurunya Muslim Ibn Khālid al-Zanjiy (179H) di Mekah mengizinkan beliau untuk berfatwa pada usia 15 tahun. Tidak cukup di Mekah, rehlah ilmu beliau bermula pada usia 23 tahun, namun ada pandangan yang mengatakan sejak berumur 13 tahun. Apabila tiba di Madinah, beliau berguru dengan Mālik Ibn Anas membaca kitab *Muwatta’* dan pelbagai ilmu lain. Setelah kematian Mālik, beliau pergi ke Yaman dan mempelajari ilmu bersama ulama di sana, antaranya Muṭarrif Ibn Māzin Qādī San‘a’ dan Hishām Ibn Yūsuf al-San‘āniy. Kemudian beliau musafir ke Iraq pada tahun 195H dan tinggal di sana selama dua tahun, belajar dan mengajar, melazimi Muḥammad Ibn al-Ḥassan, sahabat Abū Ḥanīfah. Kemudian beliau kembali dari Baghdad ke Mekah. Pada tahun 198H, beliau tinggal selama satu bulan di Baghdad, lalu pergi ke Mesir dan tinggal sehingga wafat di sana.

Beliau wafat pada akhir bulan Rejab selepas waktu maghrib pada tahun 204H pada usia 54 tahun, membawa bersamanya ilmu pengetahuan yang agung. Semoga Allah merahmati dengan keluasan nikmat dan reda di sisi *Rabb al-Jalīl*.

Al-Imām al-Shāfi‘ī meninggalkan khazanah yang penting dan banyak dalam sejarah ketamadunan Islam. Ia lahir dalam pelbagai bidang sama ada fiqh, hadith, usul, fatwa, hukum-hakam dan pelbagai lagi karya ilmiah. Ia membuktikan bahawa banyaknya ilmu yang dikuasai oleh al-Imām al-Shāfi‘ī. Di antara karya penulisan beliau yang utama adalah:

1. Kitab *Ikhtilāf al-Ḥadīth* yang akan dibincangkan selepas ini.
2. Kitab *al-Risālah* yang menghimpunkan hadith dan usul fiqh. Kitab awal dalam bidang usul fiqh.
3. Kitab *al-‘Umm* yang terkenal.
4. Kitab *al-Musnad* yang mengandungi hadith-hadith yang bersambung sanad daripada al-Imam al-Shafi‘i kepada baginda SAW.
5. Kitab *al-Sunan* yang telah diterbitkan di Mesir pada tahun 1315H
6. Kitab *Aḥkām al-Qur’ān*

Maka tidak boleh dinafikan bahawa al-Imām al-Shāfi‘ī merupakan tokoh terkemuka yang terkenal dengan ketinggian ilmunya. Ramai lagi ulama yang menulis mengenai biografinya, sama ada terhadap kehidupan dan zamannya, hasil karya, manhaj, hukum hakam fiqh, pandangannya dan kesan, sumbangan serta pelbagai lagi. Terdapat juga ulama yang menulis mengenai al-Imām al-Shāfi‘ī secara khusus. Sebagai contoh Abū Nu‘aym al-Asfahānī (430H) dalam *Hilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqat al-Aṣfiyā’*, al-Khātib al-Baghdādī (463H) dalam *Tārīkh Baghdād*, Abu Farj Ibn al-Jawzī (597H) dalam *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*, Jamal al-Dīn al-Mizzī (742H) dalam *Tahzīb al-Kamāl fī Asmā’ al-*

*Rijāl* dan banyak lagi seperti al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (852H), Shams al-Dīn al-Dhahabī (748H), Taj al-Dīn al-Subkī (771H) dan Abu Fidā’ Ibn Kathīr (774H).<sup>5</sup>

### **Pujian Ulama Terhadap Ketokohan Imam al-Shāfi‘ī dalam Bidang Hadith**

Al-Imām al-Shāfi‘ī menghabiskan masa hidupnya dengan al-Quran dan al-Sunnah. Menghidupkan syiar Islam dan aliran pegangannya. Ramai ulama mengiktiraf ketokohan beliau dalam bidang fiqh namun dalam masa sama ramai juga ulama yang mengiktiraf beliau dalam bidang hadith.

Anak muridnya, Aḥmad Ibn Ḥanbal pernah berkata: “*Aku tidak pernah melihat orang yang berpegang dengan athar seperti al-Shāfi‘ī.*” Aḥmad Ibn Ḥanbal juga menyebutkan bahawa Imam al-Shāfi‘ī merupakan ulama hadith.<sup>6</sup> Selain itu, al-Nawawī menyebutkan bahawa antara kehabatan ijtihad Imam al-Shāfi‘ī ialah usaha beliau dalam memperjuangkan dan mengikuti sunnah sehingga mazhabnya terbina di atas dalil-dalil yang mantap.<sup>7</sup>

Muḥammad al-Khaḍrī menyebutkan bahawa kitab *Ikhtilāf al-Ḥadīth* merupakan kitab yang ditulis oleh Imam al-Shāfi‘ī yang menonjolkan beliau sebagai pejuang sunnah secara umum dan khusus.<sup>8</sup> Bahkan, beliau periwayatan beliau juga dipuji sebagai *Aṣaḥ al-Asānīd* dalam dunia ialah apa sahaja yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Shāfi‘ī daripada Mālik, daripada Nāfi‘, daripada Ibn ‘Umar.<sup>9</sup>

Ringkasnya, ulama bersepakat menyatakan al-Imām al-Shāfi‘ī sebagai ahli hadith, fiqh dan usul, bahasa, nahu dan lain-lain. Sifatnya yang *thiqah*, amanah, adil, zuhud, wara‘, merendah diri, pemaaf dan lain-lain yang baik ke atasnya.

### **Pengenalan Karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth***

Lebih awal, penulisan kitab ini berkait rapat dengan zaman yang melatarinya. Pada zaman *Dawlah ‘Abbāsiyyah*, peranan pemerintah dan kestabilan politik menyaksikan bidang keilmuan telah menjadi gerakan utama. Bidang hadith, tafsir, fiqh, sejarah dan aktiviti penulisan serta terjemahan karya falsafah Yunani, Rom dan Parsi aktif berkembang. Hal demikian turut membuka peluang kepada gerakan pemikiran baru *al-Ahwā’ wa al-Dalāl* berkembang seperti *mu‘tazilah* dan seumpama dengannya. Pada penghujung pemerintahan *Bani ‘Abbāsiyyah*, gerakan ini semakin bebas apabila khalifah seperti al-Ma‘mūn (198-218H), al-Mu‘taṣim (218-227H) dan al-Wathīq (227-232H) membuka pintu istana bagi majlis-majlis *firqah* sesat tersebut.

Dalam pada itu, jemaah *zanādiqah* juga tidak ketinggalan menyebarkan fahaman mereka yang batil bagi merosakkan akidah umat Islam. Implikasinya, masyarakat awam telah terkesan dengan keterbukaan pemerintah terhadap pemikiran baru yang tidak pernah timbul pada zaman sebelumnya. Anasir-anasir daripada Rom, Parsi, Turki dan sebagainya turut memberi bekas dalam era dawlah *‘Abbāsiyyah*. Demikian, kitab ini memberi impak yang besar kepada masyarakat dalam mendalami hadith dengan kefahaman yang selaras dengan syariat dan menyangkal dakwaan batil daripada golongan *al-Ahwa’ wa al-Dalāl*.

<sup>5</sup> Abī Ya‘lā al-Khalīl Ibn ‘Abd Allāh al-Qazwīnī, *al-Irsyād fi Ma‘rifah Ulamā’ al-Ḥadīth*, ditahqiqkan Dr. Muḥammad Sa‘īd Idrī, Riyād: Maktabah al-Rusyd, 1409H.

<sup>6</sup> Aḥmad Nahrawī Abd al-Salām, *al-Imām al-Shāfi‘ī fi Madhhabayhi al-Qadīm wa al-Jadīd* (Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017), 46.

<sup>7</sup> Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), 1: 10.

<sup>8</sup> Muḥammad al-Khaḍrī, *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī*, ed. Muḥammad Ḥusnā ‘Abd al-Raḥmān (Kaherah: Dar al-Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 2006), 245-246.

<sup>9</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Manāqib al-Imām al-Shāfi‘ī* (Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, 1986), 220.

Kitab *Ikhtilāf al-Ḥadīth* karangan al-Imām al-Shāfi‘ī merupakan kitab pertama yang mengarang berkenaan ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth*. Hal ini turut disokong oleh al-Nawawi dan al-‘Iraqi. Menurut Dr. Subhi al-Salih, kitab ini merupakan pelopor dalam penulisan mengenai *Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Ia memperkenalkan mengenai himpunan hadith-hadith yang pada dasarnya kelihatan bercanggah antara satu sama lain. Dalam hal ini, Dr. Nafidh Hammad berkata: “*Kitab ini mempunyai kepentingan yang besar dalam menjelaskan isu percanggahan antara hadith Nabawi. Al-Shāfi‘ī telah berjaya mengumpulkan hadith-hadith agung yang secara zahir kelihatan seakan saling bercanggah, dengan membawa sokongan mutāba‘āt dan syawāhid, sanad yang secara kelazimannya muttasil, menjelaskan status-status hadith dan mana yang thabit atau sebaliknya.*”

Kitab ini mengandungi 79 bab dan mempunyai 80 halaman. Pada asalnya, kitab ini dicetak bersama karya *al-Umm* beliau iaitu terletak pada jilid yang ke-8 berdasarkan cetakan daripada penerbit Dār al-Ma‘rifah di Beirut.<sup>10</sup> Imam al-Shāfi‘ī menyusun hadith-hadith di dalam kitab ini dengan mengikuti perbincangan-perbincangan fiqh. Jika dilihat pada kandungan kitab tersebut, beliau memulakan susunan kitab dengan bab *al-Ikhtilāf min Jihati al-Mubah* yang memaparkan perbezaan hadith-hadith dalam perkara-perkara yang harus seperti bilangan basuhan dalam wuduk.<sup>11</sup> Wuduk merupakan bab dalam aspek *Ṭahārah* (Bersuci) dan kebiasaannya dalam karya-karya fiqh bab ini berada di kedudukan yang pertama. Kemudian, beliau menutup kitabnya dengan bab *al-Mukhtalifat allatī ‘Alayhā Dalālah*.<sup>12</sup> Dalam bab terakhir ini hadith-hadith yang dimuatkan lebih kepada perbincangan Haji dan Umrah.

Berbalik kepada fokus utama, kitab ini terbahagi kepada dua komponen utama, iaitu *muqaddimah* dan *abwāb al-Kitāb*. Bahagian pengenalannya mengandungi perkara-perkara berikut:

#### 1. Kedudukan Sunnah Nabi SAW

Al-Imām al-Shāfi‘ī memberi penerangan mengenai kedudukan sunnah Nabi SAW. Beliau juga menegaskan sunnah sebagai sumber hukum yang disyariatkan bersama-sama al-Quran.

#### 2. Berhujah dengan *Khabar Aḥad*

Dalam bab penghujahan hadith Aḥad, beliau menegaskan boleh berhujah dengan hadith Aḥad dan beramal dengannya. Malah terdapat dalil daripada Rasulullah SAW mengenai penerimaan khabar Aḥad dan suruhan melaziminya. Ia boleh diterima dan dijadikan hujah, asalkan diriwayatkan daripada *ahl al-Ṣidq*.

#### 3. Manhaj dalam disiplin *Mukhtalif al-Ḥadīth*

Di akhir muqaddimahnya, al-Imām al-Shāfi‘ī menerangkan tentang metodologinya dalam penulisannya. Apabila berlaku percanggahan antara hadith, beliau mengutamakan kaedah *al-Jam‘*, cuba mengharmonikannya dengan menyatukan antara kedua-dua hadith yang saling bercanggah dan kemungkinan boleh beramal dengan keduanya. Dalam kaedah yang lain, al-Imām al-Shāfi‘ī mengambil salah satu hadith yang memang tidak boleh disatukan ataupun diharmonikan sebagaimana yang terjadi pada perubahan qiblat daripada Baitul Maqdis ke Masjidil Haram. Ini kerana salah satunya telah dimansuhkan oleh hadith yang terkemudian.

#### 4. Manhaj al-Shāfi‘ī dalam penerimaan hadith

<sup>10</sup> Muḥammad Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990).

<sup>11</sup> *Ibid.*, 8: 599.

<sup>12</sup> *Ibid.*, 8: 679.

Al-Imām al-Shāfi‘ī menjelaskan manhajnya dalam penerimaan dan penolakan satu-satu hadith. Ia tidak akan diterima, kecuali hadith yang *thābit*. Beliau menyatakan bahawa tidak diterima hadith kecuali yang *thābit*, sepertimana tidak diterima sokongan atau penyaksian kecuali daripada yang diketahui ‘*adālahnya*. Jika perawi hadith bersifat *majhūl* ataupun *marghūb*, maka ia tidak *thābit*.

Kedua: Bab-Bab Kitab (*Abwāb al-Kitāb*):

Beliau membahagikan bab dalam kitabnya “*Ikhtilāf al-Ḥadīth*” kepada 79 bab. Bermula dengan bab *Ikhtilāf min Jihhah al-Mubah*, dan diakhiri dengan bab *al-Mukhtalifāt allatī ‘alayhā al-Dilālah*. Dalam setiap bab, beliau menyatakan hadith-hadith yang bersambung sanad daripada jalur riwayatnya, disertai komentar penting mengenainya dalam mempertahankan sunnah hasil daripada kekeliruan yang meliputi percanggahan tersebut.<sup>13</sup>

### Manhaj al-Imam al-Shafi‘ī Dalam Periwatatan Hadith

#### 1. Keprihatinan al-Imam al-Shāfi‘ī terhadap *Isnād al-Ḥadīth*

Ulama Islam amat mengambil berat dan mementingkan sanad hadith dalam tradisi perolehan ilmu. Hal ini kerana, untuk menjaga agama daripada dimasuki anasir-anasir yang menyimpang. Bertepatan dengan kata-kata ‘Abd Allāh Ibn al-Mubārak:

الإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ، وَلَوْ لَا الإِسْنَادُ لَفَالَ: مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ

Terjemahan: “*Sanad adalah sebahagian daripada agama, tanpa sanad seseorang akan berkata apa sahaja yang dikehendaki.*”<sup>14</sup>

Al-Shāfi‘ī terkenal dengan tokoh ulama yang banyak memberikan perhatiannya terhadap sanad-sanad hadith. Antara karyanya dalam bidang ini adalah *Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Kitab ini menghimpunkan hampir kebanyakan sanad yang bersambung sehingga Rasulullah SAW dan amat sedikit hadith-hadith yang diriwayatkan al-Shāfi‘ī tidak mempunyai sanad lengkap. Sekiranya al-Shāfi‘ī mempunyai keraguan (*al-Shak*) terhadap sesuatu sanad hadith, maka beliau akan menerangkan keraguan tersebut dengan begitu teliti dan berhati-hati. Sebagai contoh, dalam bab memakan *dhab* (biawak pasir) ataupun nama saintifiknya adalah *Uromastyx aegyptius microlepis* dan juga bab solat secara berseorangan. Kebiasaannya, al-Shāfi‘ī akan menggunakan istilah tertentu bagi mengisyaratkan bahawa terdapat keraguan pada sanad hadith tersebut. Antara lafaz yang digunakan adalah *Ashukku* dan *Azunnu*.<sup>15</sup>

#### 2. Perkataan al-Shafi‘ī: *Ḥaddathanī al-Thiqah* (telah menceritakan kepada kami seorang *thiqah*)

Kebiasaannya, jika menjumpai al-Shāfi‘ī menyebutkan bahawa *ḥaddathanī thiqah* dalam kebanyakan karyanya khususnya *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, maka ketika itu beliau kurang pasti nama perawi dalam sanad tersebut. Tetapi, beliau masih dapat memastikan kredibiliti perawi tersebut. Hal yang sama turut berlaku dalam kitab *al-Risālah* walaupun di dalam *al-‘Umm*.<sup>16</sup>

Walau bagaimanapun, para ulama berbeza pandangan dalam mentafsirkan perkataan al-Shāfi‘ī tersebut. Al-Bayhaqī menyebutkan bahawa terdapat perkataan al-Shāfi‘ī yang

<sup>13</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 39-40.

<sup>14</sup> Al-Ḥākim Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh, *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*, ditahqiqkan al-Sayyid Mu‘ẓam Husayn (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1977), 6.

<sup>15</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1990), 8: 620.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 8: 644.

berbunyi “janganlah meriwayatkan daripada orang yang masih hidup, kerana orang yang masih hidup tidak terlepas daripada kelupaan”. Pandangan pertama menyatakan berdasarkan perkataan al-Shāfi‘ī tersebut bahawa beliau tidak menyatakan nama si perawi yang beliau riwayatkan hadith daripadanya, kerana boleh jadi perawi tersebut terlupa dalam sesetengah periwayatannya. Pandangan kedua pula, boleh jadi al-Shāfi‘ī ketika mengarang *Ikhtilāf al-Ḥadīth* beliau tidak membawa karya-karyanya yang lain yang menghimpukan hadith-hadith sehingga menyebabkan beliau berasa samar-samar untuk menyatakan nama perawi tersebut. Oleh itu, al-Shāfi‘ī menggunakan lafaz *ḥaddathanī al-thiqah* kerana beliau hanya ragu pada nama perawi, tapi tidak pada kethiqahannya.<sup>17</sup>

Walaupun begitu, murid al-Shāfi‘ī iaitu al-Rabī‘ Ibn Sulaymān al-Muradī menghadkan maksud daripada perkataan al-Shāfi‘ī tersebut dengan berkata, *sekiranya al-Shāfi‘ī berkata: Telah mengkhabarkan kepadaku seorang thiqah* maka yang dimaksudkan *al-thiqah* tersebut adalah Yahya Ibn Ḥasan.<sup>18</sup> Tetapi, ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Ḥanbal menyebutkan bahawa yang dimaksudkan *al-thiqah* sebenarnya adalah merujuk kepada Aḥmad Ibn Ḥanbal.

Berdasarkan penelitian terhadap kitab *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, kajian mendapati bahawa penentuan *al-Thiqah* di dalam sanad al-Shāfi‘ī terbahagi kepada dua kategori:

1. Kategori yang membolehkan penelitian dan pengenalpastian terhadap nama perawi yang *mubham* tersebut. Maka perawi tersebut akan dihukumkan sesuai dengan kredibilitinya. Contohnya, seperti berikut:<sup>19</sup>

قال الشافعي: أخبرنا الثقة، عن الليث بن سعد، عن أبي الزبير، عن سعيد وطاوس، عن ابن عباس: قال: كان النبي صلى الله عليه وسلم يعلمنا التثنية... الحديث

Identiti perawi *mubham* yang dilabelkan sebagai *thiqah* dalam sanad tersebut adalah Yahyā Ibn Ḥasan. Ia sepertimana yang dijelaskan nama perawi tersebut oleh al-Shāfi‘ī dalam karyanya *al-’Umm* ketika meriwayatkan hadith yang sama.<sup>20</sup>

2. Kategori yang tidak memungkinkan pengenalpastian terhadap nama perawi yang *mubham* tersebut. Maka, perawi dalam kaetgori ini dihukumkan sebagai daif jika diimplementasikan kaedah hukum hadith ke atasnya. Tetapi, pengkaji mengambil sikap *tawaqquf* untuk tidak memberi apa-apa komentar pada perawi tersebut.
3. Periwatatan Hadith Lebih Daripada Satu Jalan Periwatatan

Al-Shāfi‘ī juga memberi perhatian yang sangat teliti dan terperinci dalam periwatatan hadith. Ia bertujuan untuk memastikan kesempurnaan sesuatu maklumat berkenaan hadith dan tahap kredibiliti para perawi hadith. Ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pengetahuan bagi kegunaan penuntut ilmu. Oleh itu, kajian mendapati dalam kitab *Ikhtilāf al-Ḥadīth* contoh riwayat yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī dari pelbagai jalur sama ada bertujuan untuk menerangkan *ziyādah* bagi sebahagian riwayat hadith yang berlaku ataupun untuk menguatkan status hadith dengan kepelbagaian jalur terhadap hadith tersebut.

Contohnya, hadith yang diriwayatkan oleh al-Shāfi‘ī daripada Sufyān Ibn ‘Uyaynah daripada Abū al-Zinād daripada al-A‘raj daripada Abū Hurayrah RA, bahawa Rasulullah

<sup>17</sup> Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi‘ī*, ditahqiqkan al-Sayyid Aḥmad Saqar (al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 1970), 2: 317.

<sup>18</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 8: 600.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-’Umm* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1990), 1: 140.

SAW bersabda: Apabila anjing menjilat (*walagha*) pada bekas air kalian maka basuhlah bekas tersebut dengan tujuh kali basuhan.<sup>21</sup>

Al-Shāfi‘ī juga meriwayatkan hadith yang sama daripada jalur Mālik daripada Abū al-Zinād daripada al-A‘rāj daripada Abū Hurayrah RA daripada Nabi SAW bersabda: Apabila anjing meminum (*Shariba*) pada bekas air kalian maka basuhlah bekas tersebut dengan tujuh kali basuhan.<sup>22</sup>

Perbezaan di antara kedua riwayat tersebut adalah pada lafaz *walagha* dan *shariba*. Di samping itu, al-Shāfi‘ī juga turut mengemukakan satu jalur riwayat yang lain daripada Sufyān Ibn ‘Uyaynah, daripada Ayyub, daripada Muḥammad Ibn Sirīn, daripada Abū Hurayrah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila anjing meminum (*Shariba*) pada bekas air kalian maka basuhlah bekas tersebut dengan tujuh kali basuhan, diawali dengan basuhan air tanah.<sup>23</sup>

Kepelbagaian jalur riwayat yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī tersebut memberikan tambahan input dan juga faedah terhadap isu yang dibincangkan. Hal ini berdasarkan contoh yang dikemukakan olehnya dalam jalur riwayat yang ketiga, di mana kajian mendapati terdapat tambahan lafaz “diawali dengan basuhan air tanah”.

#### 4. Periwiyatan Hadith Secara Makna

Dalam perbincangan periwiyatan hadith secara makna, majoriti ulama mengharuskan periwiyatan secara makna. Tetapi majoriti ulama memberikan syarat-syarat tertentu iaitu perawi yang meriwayatkan hadith secara makna mesti mempunyai kemampuan dari sudut pengetahuan bahasa Arab yang mendalam. Selain daripada itu, perawi tersebut mesti menguasai lafaz-lafaz dan *maqasidnya*.<sup>24</sup> Kecharusan periwiyatan secara makna juga disokong oleh sebahagian daripada kalangan sahabat dan tabiin. Perihal periwiyatan secara makna pernah diungkapkan oleh Muḥammad Ibn Sirīn seperti berikut:<sup>25</sup>

كنت أسمع الحديث من عشرة، المعنى واحد، والألفاظ مختلفة

Terjemahan: “*Seringkali aku mendengar hadith daripada sepuluh jalur riwayat, di mana lafaznya berbeza-berbeza tetapi mempunyai makna yang sama.*”

Al-Shāfi‘ī turut bersama majoriti ulama dalam kecharusan periwiyatan hadith secara makna. Beliau menuqilkan dalam *al-Risālah* dialog daripada sebahagian tabiin terkait periwiyatan hadith secara makna. Dalam dialog tersebut menyebutkan bahawa mereka bertemu dengan beberapa orang sahabat Rasulullah SAW, di mana riwayat hadith sahabat tersebut sama dari sudut makna tetapi berbeza dari sudut lafaz. Bila mana para tabiin tersebut mempersoalkan sahabat itu, mereka membolehkan (riwayat secara makna) selagi mana tiada perubahan makna.<sup>26</sup>

Hujah yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī bagi membolehkan berlakunya periwiyatan hadith secara makna adalah berdasarkan hadith “penurunan al-Quran dalam tujuh huruf”. Beliau memberikan komentar bahawa penurunan al-Quran dengan tujuh huruf (*Qiraat*) mewujudkan perbezaan cara bacaan dan juga lafaz. Namun begitu, perbezaan itu tidak

<sup>21</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 8: 611.

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Maḥmūd Ṭahḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 2011), 212.

<sup>25</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā‘id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 221.

<sup>26</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Risālah*, ditahqiqkan Aḥmad Shākīr (Miṣr: Maktabah al-Ḥalabī, 1940), 270.



menyebabkan berlakunya perubahan makna. Oleh itu, beliau melihat perbezaan lafaz di dalam selain al-Quran adalah lebih patut, selagimana tidak berlaku perubahan makna.

## 5. Periwatyan Hadith Daif

Ketokohan al-Shāfi‘ī dalam bidang ilmu tidak dapat dipertikaikan, lebih-lebih lagi ketelitian beliau dalam ilmu hadith. Beliau mengagakkan kriteria di dalam penerimaan hadith sebagaimana yang disebutkan bahawa:

وإذا كان الحديث مجهولا أو مرغوبا عن حمله كان كما لم يأت لأنه ليس بثابت

Terjemahan: “*Apabila sebuah hadith itu tidak dikenali identiti periwatannya ataupun periwatannya mendapat kritikan dari sudut keadilan dan ingatannya, riwayatnya itu dianggap sesuatu yang tidak wujud kerana statusnya diragui.*”<sup>27</sup>

Al-Shāfi‘ī berpegang teguh bahawa periwatyan hadith yang tidak *thābit* adalah tidak diterima. Ini sepertimana satu kesaksian tidak akan diterima daripada seseorang itu melainkan diketahui keadilannya.<sup>28</sup>

Namun begitu, penelitian yang dilakukan terhadap karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth* mendapati bahawa al-Shāfi‘ī melakukan yang sebaliknya daripada prinsip yang dipegang. Ini berikutan terdapat beberapa hadith daif yang diriwayatkan oleh beliau di dalam sesetengah tempat. Bahkan, beliau menjadikan hadith daif sebagai sandaran dalil bagi mazhabnya. Beliau juga mendatangkan riwayat hadith daripada perawi-perawi yang berstatus daif dan matruk serta berhujah dengannya. Adakalanya juga hadith yang terdapat di dalam karyanya tersebut dikritik oleh sebahagian ulama sebagai palsu.

Berikut adalah hadith-hadith bermasalah yang diriwayatkan oleh al-Shāfi‘ī dalam karyanya *Ikhtilāf al-Ḥadīth*:

Contoh pertama: Bab *al-Qaṣr wa al-Itmām fī al-Safar fī al-Khawf wa Ghayr al-Khawf*.

عن إبراهيم بن أبي يحيى، عن طلحة بن عمرو، عن عطاء، عن عائشة -رضي الله عنها- قالت: كل ذلك قد فعل رسول الله، أتم في السفر و قصر.

Terjemahan: Daripada Ibrahim Ibn Abu Yahya, daripada Talhah Ibn ‘Amru daripada ‘Ata’ daripada ‘Aisyah, beliau berkata: “*Kesemua ini dilakukan oleh Rasulullah SAW, (yakni mengerjakan solat secara sempurna dan juga qasar (memendekkan ketika musafir).*”<sup>29</sup>

Dalam sanad tersebut perawi yang bernama Ibrāhīm Ibn Abū Yaḥya al-Aslamī dikritik sebagai pendusta oleh beberapa tokoh kritik hadith. Mereka adalah seperti Yaḥyā Ibn Ma‘īn<sup>30</sup>, Yahya Ibn Sa‘īd al-Qattān<sup>31</sup> dan Ahmad Ibn Hanbal<sup>32</sup>.

Contoh kedua: Bab *al-Isfār wa al-Taghlīs bi al-Fajr*.

<sup>27</sup> Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi‘ī*, ditahqiqkan al-Sayyid Aḥmad Ṣaqar (al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 1970), 2:26.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 25-26.

<sup>29</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 8: 602.

<sup>30</sup> Yaḥyā Ibn Ma‘īn, *Tārīkh Ibn Ma‘īn Riwayah al-Dūrī*, ditahqiqkan Aḥmad Muḥammad Nūr Sayf (Mekah: Markaz al-Baḥth al-‘Ilmī wa lhyā’ al-Turāth al-Islāmī, 1979), 3: 165.

<sup>31</sup> Muḥammad Ibn Ḥibbān, *al-Majrūhīn min al-Muḥaddithīn wa al-Ḍu‘afā’ wa al-Matrūkīn*, ditahqiqkan Maḥmūd Ibrāhīm Zāyid (Syria: Dār al-Wa‘ī, 1396), 1: 105.

<sup>32</sup> Muḥammad Ibn ‘Amrū al-‘Uqaylī, *al-Ḍu‘afā’ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1984), 1: 62.

أن رسول الله قال: أول الوقت رضوان الله

Terjemahan: “Bahawa Rasulullah SAW bersabda: (Mengerjakan solat) di awal waktu (akan mendapat) syurga Allah.”<sup>33</sup>

Pada sanad hadith di atas, keseluruhan jalur riwayatnya adalah tersangat daif. Jalur pertama menjadi daif disebabkan perawi yang bernama Ya'qub Ibn al-Walid al-Madani dikritik sebagai pendusta, *matruk* dan *munkar al-hadīth*. Pandangan ini dikemukakan oleh Aḥmad Ibn Ḥanbal<sup>34</sup>, Ibn Ma'īn<sup>35</sup>, al-Nasā'ī<sup>36</sup>. Manakala, jalur sanad kedua menjadi daif kerana 'Ubayd ibn al-Qāsim. Beliau dikritik sebagai pendusta oleh Ibn Ma'īn<sup>37</sup> dan Abū Dāwud<sup>38</sup>, manakala al-Nasā'ī<sup>39</sup> mengatakan beliau sebagai *matruk*.

## 6. Syarah *Gharīb al-Ḥadīth*

Karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth* juga menjelaskan salah satu metodologi al-Shāfi'ī iaitu penjelasan terhadap sebahagian istilah-istilah *gharīb*. Antara contoh yang dikemukakan ialah:

1. Penjelasan terhadap makna kalimah *al-Najash*. Ia berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, bahawa Rasulullah SAW bersabda: *lā tanājashū*. Komentari al-Shāfi'ī bahawa *al-Najash* ialah situasi di mana seseorang datang ke tempat jualan barang, kemudian ia melakukan bidaan sedangkan ia tidak mahu membelinya, supaya harga barang tersebut melonjak naik. Perkara ini menyebabkan pembeli-pembeli lain menawarkan harga yang lebih tinggi disebabkan mereka tidak mengetahui harga yang sebenar.<sup>40</sup>
2. Pendefinisian terhadap perkataan *al-'Arāyā*. Ia berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Zayd Ibn Thābit bahawa Rasulullah SAW memberikan kemudahan (*rukhsah*) dalam jual beli *al-'Arāyā*. Komentari al-Shāfi'ī bahawasanya *al-'Arāyā* adalah situasi di mana seorang lelaki membeli kurma basah (yang masih di pohonnya) dan dilebihkan jumlah taksirannya dengan tamar. Ia mentaksirkan (meletakkan jumlah dengan kadar sangkaan) *rutab* kemudian ia menghitung berapa yang kurang bila kurma tersebut kering dan ia membeli (jumlah hitungan sangkaan itu) dengan tamar. Penyerahan tamar dilakukan sebelum pembeli dan penjual bersurai atau berpisah daripada akad.<sup>41</sup>

## KESIMPULAN

Al-Imam al-Shāfi'ī merupakan seorang tokoh agung yang wajar dikaji secara lebih mendalam, lebih-lebih lagi ketokohnya dalam bidang hadith. Lebih penting, beliau adalah

<sup>33</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shafi'ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 8: 633.

<sup>34</sup> Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ditahqiqkan 'Abd al-Qādir 'Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1: 639.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Ibn Shu'ayb al-Nasā'ī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkūn*, ditahqiqkan Maḥmūd Ibrāhīm Zāyid (Syria: Dār al-Wa'ī, 1396), 106.

<sup>37</sup> Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, ditahqiqkan Muḥammad 'Awwāmah (Ḥalab: Dār al-Rasyīd, 1986), 378.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Ibn Shu'ayb al-Nasā'ī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkūn*, ditahqiqkan Maḥmūd Ibrāhīm Zāyid, 73.

<sup>40</sup> Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, 8: 628.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 8: 662.

pelopor dalam pengkajian *mukhtalif hadīth*. Bukan sahaja beliau menguasai aliran fiqh, tidak terkecuali pelbagai lapangan ilmu yang lain, seperti hadith, akidah dan sebagainya.

Semestinya sudah menjadi tuntutan yang mendesak pada masa kini agar semua penuntut ilmu pengajian Islam berusaha mencontohi ulama silam. Penguasaan segenap ilmu Islam pasti akan melahirkan ulama yang jitu dan luas ilmu pengetahuannya. Semoga Allah SWT memberikan hidayah dan kekuatan kepada kita agar dapat menurut jejak langkah ilmiah al-Imam al-Shafi'i.

## RUJUKAN

- 'Abd al-Rahmān Aḥmad Ibn Shu'ayb al-Nasā'ī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkūn*, ditahqiqkan Maḥmūd Ibrāhīm Zāyid, Syria: Dār al-Wa'ī, 1396.
- Abī Ya'la al-Khalī Ibn 'Abd Allāh al-Qazwini, *al-Irsyād fī Ma'rifah Ulamā' al-Ḥadīth*, ditahqiqkan Dr. Muḥammad Sa'id Idris, Riyad: Maktabah al-Rusyd, 1409H.
- Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi'ī*, ditahqiqkan al-Sayyid Aḥmad Saqar, al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 1970.
- Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ditahqiqkan 'Abd al-Qādir 'Aṭā, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, ditahqiqkan Muḥammad 'Awwāmah, Ḥalab: Dār al-Rasyīd, 1986.
- Al-Hakim Muhammad Ibn 'Abd Allah, *Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth*, ditahqiqkan al-Sayyid Mu'zam Ḥusayn, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1977.
- Maḥmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, 2011.
- Muḥammad Ibn 'Amrū al-'Uqaylī, *al-Ḍu'afā' al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1984.
- Muḥammad Ibn Ḥibbān, *al-Majrūhīn min al-Muḥaddithīn wa al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkūn*, ditahqiqkan Maḥmūd Ibrāhīm Zāyid, Syria: Dār al-Wa'ī, 1396.
- Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *al-'Umm*, Beirut: Dār al-Ma'ārif, 1990.
- Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *al-Risālah*, ditahqiqkan Aḥmad Shākir, Miṣr: Maktabah al-Ḥalabī, 1940.
- Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi'ī, *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Ma'ārif, 1990.
- Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Yahyā Ibn Ma'īn, *Tārīkh Ibn Ma'īn Riwāyah al-Dūrī*, ditahqiqkan Aḥmad Muḥammad Nūr Sayf, Mekah: Markaz al-Baḥṡ al-'Ilmī wa Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī, 1979.